



## **UCAPAN ALU-ALUAN**

**PROF. DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM**

**NAIB CANSOLOR**

**DI DALAM**

**PERBINCANGAN PELAN STRATEGIK Unishams 2023  
BERSAMA EXCO PENGAJIAN TINGGI & SAINS**

**PADA**

**10 DISEMBER 2023 (AHAD), 10.00 PAGI**

**DI BILIK MESYUARAT EXCO, ARAS 5, BLOK E,  
WISMA DARUL AMAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين. والصلاة والسلام على رسوله الأمين.

وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد:

## **SALUTASI**

### **Yang Dihormati**

1. **YB Dr. Haim Hilman bin Abdullah**, Exco Pengajian Tinggi & Sains;

### **Yang Berusaha**

2. **Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md. Hussain**, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa;
3. **Dr. Rohani binti Desa**, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni;
4. **Puan Hajjah Molyana binti Mohd Annuar**, Bendahari
5. **Tuan-puan sekalian.**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. *Alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama meluangkan masa untuk menghadiri perjumpaan bersama YB Dr. pada hari ini. Terima kasih kepada YB Dr. kerana sudi meluangkan masa dan mengalu-alukan kunjungan pihak UniSHAMS ke pejabat YB.
2. Sebagai makluman YB Dr., Pelan Strategik UniSHAMS ini terdiri dari LIMA (5) tonggak iaitu Tonggak Kecemerlangan Akademik (diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Tonggak Kecemerlangan Pelajar (diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Tonggak Kelestarian Kewangan (diketuai oleh Bendahari), Tonggak Kelestarian Institusi (diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi dan Jaringan Industri) dan Tonggak Tadbir Urus Yang Baik (diketuai oleh Pendaftar). Setiap strategi dan tindakan dipecahkan sasaran kepada TIGA (3) fasa. Fasa Pertama: 2021–2023, Fasa kedua: 2024-2028 dan Fasa Ketiga: 2029–2035.
3. Pembentangan Pelaporan Pelan Strategik UniSHAMS dan KPI Kulliyah/Pusat Pengajian Suku Pertama dan Kedua Tahun 2023 telah diadakan pada 13 hingga 15 Ogos 2023 dan 27 September 2023.
4. Pembentangan Pelaporan Pelan Strategik UniSHAMS dan KPI Kulliyah/Pusat Pengajian Suku Ketiga dan Keempat Tahun 2023 dijadual diadakan pada bulan Januari 2024.

5. Satu Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik UniSHAMS 2023 akan diadakan pada 19 dan 20 Disember 2023 (Selasa-Rabu) bertempat di UniSHAMS. Semakan semula Pelan Strategik ini perlu dibuat untuk memaklumkan pencapaian sasaran yang telah ditetapkan oleh setiap tonggak dan mengenal pasti kekangan pelaksanaan setiap inisiatif. Terdapat juga cadangan perubahan pegawai bertanggungjawab di dalam Kulliyah/Pusat/Bahagian (KPB) yang memerlukan semakan semula bagi setiap Tonggak Pelan Strategik UniSHAMS.
  
6. Lanjutan itu, pihak UniSHAMS berharap agar YB Dr. dapat berkongsi idea-idea dalam pembangunan strategik Pengajian Tinggi dan juga kepakaran dan pengalaman YB dalam pengurusan tertinggi di beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sebelum ini.

## **PENUTUP**

Dengan ini, saya serahkan kepada Dr. Syahiza binti Arsad, Pengarah Pusat Strategik dan Penarafan Institusi (Pusat SPI) untuk membentangkan pencapaian Pelan Strategik UniSHAMS bagi tahun 2021 - 2023 kepada YB Dr. dan hadirin sekalian.

*Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*